

Ibu bapa kena jadi contoh terbaik

KANAK-KANAK dilahirkan dengan fitrah suci dan polos. Maka ibu bapa yang menjadi pencorak kepada kehidupan masa depan mereka.

Menurut Pakar Kaunseling keluarga dan kanak-kanak dan Pensyarah Kanan Program Kaunseling, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Madya Dr. Saedah A. Ghani, ibu bapa berperanan penting dalam menunjuk hala yang betul untuk kehidupan anak-anak.

Katanya, anak-anak sekarang memerlukan bimbingan dan galakkan bagi mendapatkan seberapa banyak ilmu yang ada.

Ilmu dan pelajaran memang penting untuk hidup dan membangunkan diri mereka sendiri, malah anak-anak yang mempunyai ilmu lebih berkeyakinan diri.

Setiap ibu bapa adalah guru pertama bagi kanak-kanak. Oleh itu ibu bapa perlu menunjuk ajar dan menjadi contoh terbaik untuk anak-anak mereka.

"Jangan memberikan banyak tekanan kepada anak-anak dalam keinginan mereka untuk belajar yang menyebabkan mereka akan menjadi tertekan dan murung.

"Galakkan anak-anak belajar kerana mereka suka untuk belajar dan mengaut ilmu yang banyak dan bukannya mereka belajar kerana untuk lulus dalam peperiksaan sahaja," jelasnya.

Tambahnya, ibu bapa harus beringat, jangan sesekali mengukur standard kehidupan mereka dan anak-anak sebagaimana anak-anak orang lain.

Ukur dahulu kebolehan anak-anak mereka kerana untuk memenuhi kehidupan mereka sendiri bukannya perlu menandingi orang lain.

"Kita nampak anak-anak orang lain berjaya. Sebagai ibu bapa kita pun mahu juga anak kita itu berjaya.

"Jangan marahkan anak sekiranya anak-anak tidak lulus periksa setelah mereka sudah berusaha sedaya upaya, tetapi marahlah sekiranya tidak lulus periksa kerana mereka tidak berusaha," katanya.

Katanya, didik anak-anak dengan semangat bertanggungjawab ke atas tingkah lakunya sendiri dengan menyatakan bahawa sekiranya mereka tidak berusaha mereka akan gagal dan mereka akan menanggung akibatnya terhadap pelajaran dan masa depan mereka.

Malangnya, sekarang ibu bapa memberi mesej yang salah terhadap anak-anak dengan mengatakan mereka (ibu bapa) akan berasa malu dengan masyarakat sekiranya anak-anak tidak lulus peperiksaan.

Ini bermakna ibu bapa lebih mementingkan untuk menjaga maruah mereka berbanding nilai



TERAPI kemahiran seperti membaca perlu untuk anak-anak yang sedang membesar.
- Gambar hiasan.

pendidikan kepada diri anaknya sendiri.

Dalam pada itu, Saedah menambah, sekiranya mahu melihat anak-anak itu berubah dari segi psikologi, ibu dan bapa perlu diubah terlebih dahulu.

"Anak-anak yang berumur di bawah 12 tahun hanya mempunyai 3/4 sel neuron berbanding orang dewasa. Ini menyebabkan mereka tidak dapat berfikir secara matang seperti kita yang dewasa.

"Justeru dalam usaha memberi bimbingan, ibu bapa perlulah tahu selok-belok untuk membimbing anak-anak," katanya.

Saedah berkata, anak-anak yang mempunyai masalah perlu dibimbing secara memberi kaunseling keluarga kepada ibu bapa dan ahli keluarganya.

Selain itu kanak-kanak yang mempunyai masalah psikologi boleh dibantu secara terapi yang sesuai dengan mereka seperti terapi bercerita, drama, melukis dan sebagainya.

"Ibu bapa juga boleh dibantu melalui psikopendidikan yang membantu mereka secara memberikan maklumat psikologi mengenai keibubapaan, psikologi kanak-kanak dan remaja, pengurusan emosi anak dan lain-lain lagi.

"Ini bagi membantu mereka memahami anak-anak dan keluarga mereka dengan lebih baik lagi."

Dalam pada itu, Saedah turut menegaskan ibu bapa yang berminat untuk mendapatkan sesi kaunseling bagi anak-anak mereka boleh mendapatkan perkhidmatan itu di Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) setiap daerah.

Beliau juga turut memberi cadangan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia agar memberi latihan kepada guru-guru kaunseling dengan kemahiran kaunseling keluarga dan psikoterapi seperti terapi psikodrama, melukis, bercerita dan sebagainya yang bersesuaian dengan psikologi kanak-kanak sekolah dan remaja.

"Saya menyeru kepada Kementerian Pendidikan untuk membina modul seperti dilakukan JKM untuk membantu kanak-kanak dan remaja secara kemahiran terapi melukis, bercerita, muzik dan lain-lain.

"Setakat ini amalan dikedanyakan sekolah hanyalah kaunseling individu dan kelompok dan perlulah dipelbagaikan untuk membantu kanak-kanak dan remaja yang sukar untuk melahirkan masalah mereka dengan cara kaunseling biasa."



DR. SAEDAH A. GHANI